

HYDRINE Capsule 500mg

Hydroxyurea (500 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Hydrine
2. Bagaimana Hydrine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Hydrine
4. Cara menggunakan Hydrine
5. Semasa menggunakan Hydrine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Hydrine

Hydrine digunakan untuk merawat pelbagai jenis kanser seperti leukemia dan kanser ovari.

Bagaimana Hydrine berfungsi

Hydrine adalah ubat anti-kanser. Ia bertindak dengan mengganggu pertumbuhan sel kanser.

Sebelum menggunakan Hydrine

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap bahan aktif atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam maklumat lanjut).
- Fungsi sumsum tulang anda terjejas (cth. Pengurangan dalam sel darah putih, sel darah merah atau platelet)

- Sebelum menggunakan Hydrine

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil Hydrine jika anda hamil atau ingin hamil. Ia boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi yang belum lahir jika ia diberikan kepada lelaki atau wanita sebelum mengandung, atau kepada wanita hamil.

Hydrine meresap ke susu ibu. Jangan ambil jika anda menyusukan anak.

Sebelum memulakan rawatan, beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami mana-mana keadaan berikut:

- telah menerima rawatan ubat kanser sebelum ini
- telah menerima rawatan radioterapi sebelum ini
- mengalami masalah buah pinggang

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk vaksin, atau ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

Sesetengah ubat-ubatan dan Hydrine boleh mengganggu antara satu sama lain. Ini termasuk:

- Rawatan ubat kanser atau radioterapi sebelum ini atau yang sedang dijalankan.
- ubat yang boleh menyebabkan gangguan darah
- vaksin virus hidup

Cara menggunakan Hydrine

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor anda akan menentukan dos yang akan anda terima. Dos ubat Hydrine anda dikira berdasarkan berat badan anda dan jenis kanser yang anda ada. Dos yang disyorkan ialah 20-30mg/kg berat badan anda sekali sehari atau 80 mg/kg berat badan anda sekali setiap hari ketiga. Dos yang diberikan untuk anda mungkin berbeza dengan dos untuk orang lain.

- Bila perlu digunakan

Hydrine diambil sebagai dos tunggal dan boleh diambil setiap hari, atau sekali setiap tiga hari. Mula mengambil hydroxyurea sekurang-kurangnya 7 hari sebelum memulakan radioterapi dan diteruskan semasa radioterapi serta berterusan selepas itu.

Doktor anda akan memutuskan bagaimana anda perlu mengambil kapsul dan akan menerangkan kepada anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

- Jika anda terlupa menggunakan

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda atau ahli farmasi atau Pusat Racun Negara dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan sakit, kemerahan, bengkak air di tangan & kaki diikuti dengan kulit bersisik, pigmentasi kulit & radang mulut.

Semasa menggunakan Hydrine

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Hydrine.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan lupa temujanji dengan doctor anda supaya keadaan anda boleh diperiksa.

Jangan berhenti menggunakan ubat ini atau kurangkan dos kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan ambil Hydrine untui merawat aduan lain melainkan jika doctor anda memberitahu anda.

Jangan memberi Hydrine kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Jika anda mengambil kandungan kapsul dengan mencampurkannya dengan air, pastikan serbuk tidak bersentuhan dengan kulit atau membran mukus secara langsung.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan jentera

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Hydrine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Kesan sampingan

- sakit kepala, pening, bingung, khayalan, dan konvulsi
- loya, muntah- muntah, cirit-birit, dan sembelit

- gangguan darah (pengurangan sel darah putih, sel darah merah dan platelet)
- kencing yang menyakitkan atau sukar
- keletihan
- ruam, kemerahan muka
- keguguran rambut
- kerengsaan gastrik
- penyakit paru-paru

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Hydrine

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan dalam bekas bertutup baik, lindungi daripada cahaya dan kelembapan.

Simpan pada suhu bilik tidak melebihi 30°C.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Pengendalian dan pelupusan ubat kanser yang betul perlu dipertimbangkan. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Setiap kapsul keras, dengan penutup berwarna merah jambu dan badan berwarna hijau, diisi dengan serbuk putih hingga putih pudar. 10 kapsul dibungkus di dalam PVC (polyvinylchloride) aluminium foil blister, 10 blister diletakkan dalam kotak

dengan sisip bungkus (10 kapsule/ blister x 10 blister/ kotak).

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Hydroxyurea
- Bahan tidak aktif
Dibasic sodium phosphate, Silicon dioxide, Anhydrous Citric Acid, Sodium Lauryl Sulfate, Magnesium Stearate. Kapsul: Gelatin, Titanium Dioxide, FD&C Red No.3, FD&C Yellow No.6, Quinoline Yellow, FD&C Blue No.1, Iron Oxide Yellow, Purified Water

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang

Korea United Pharm Inc.
107, Gongdan-ro, Yeonseo-myeon, Sejong-si, Korea

Pemegang Pendaftaran Produk

Eucogen Pharma Sdn. Bhd.
No 6A, Jalan Sungai Burung U 32/U, Bukit Rimau, 40460 Shah Alam, Selangor, Malaysia

Tarikh kemas kini RiMUP

28/11/2024

Nombor Siri

NPRA (R2) 24/009